

Soalan-soalan 29–34

Anda akan mendengar temubual dengan Sam tentang pengalamannya sebagai sukarelawan di kem pelarian di Calais, di negara Perancis. Anda akan mendengar temubual ini sebanyak dua kali. Ada tempat berhenti semasa temubual.

Bagi setiap soalan, tanda (✓) dalam kotak yang betul (**A**, **B**, **C** atau **D**).

Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca soalan-soalan berikut.

29 Mengapakah Sam pergi ke kem pelarian Calais?

- A** Kawannya menjemput dia
- B** Dia pergi ke mesyuarat
- C** Keluarganya menggalakkannya
- D** Dia membaca tentangnya di surat khabar

[1]

30 Apakah peranan Sam di kem itu?

- A** Mengajar bahasa
- B** Membina tempat tinggal
- C** Menyediakan makanan
- D** Memberi bantuan perubatan

[1]

31 Apakah rancangannya pada masa depan?

- A** Dia mahu kembali ke kem itu
- B** Dia mahu bekerja di kawasan bencana
- C** Dia mahu bekerja sebagai pakar ekonomi
- D** Dia mahu mengutip dana untuk tujuan amal.

[1]

[BERHENTI]

32 Sam berpendapat bahawa lawatan ke kem pelarian menjadikan anak-anak sukarelawan ...

- A kreatif
- B suka membantu
- C yakin
- D rajin

[1]

33 Daripada pengalaman Sam, apakah yang kebanyakan pelarian inginkan?

- A Berada di tempat yang selamat
- B Menjadi lebih kaya
- C Berada bersama keluarga mereka
- D Menikmati lebih banyak kebebasan

[1]

34 Bagaimanakah pengalaman sebagai sukarelawan mengubah diri Sam?

- A Kadang-kadang dia menjadi murung
- B Dia berasa kurang yakin
- C Dia selalu berasa malas
- D Dia berasa dia lebih matang

[1]

[Jumlah: 6]

Soalan-soalan 35–37

Anda akan mendengar perbualan dengan Dani, seorang vlogger. Anda akan mendengar temubual ini sebanyak dua kali. Ada dua tempat berhenti semasa temubual ini.

Bagi setiap soalan, tanda (✓) dalam **dua** kotak yang betul (**A, B, C, D** atau **E**).

Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca kenyataan-kenyataan berikut.

- 35**
- A** Dani terkejut dengan kejayaannya sebagai seorang vlogger.
 - B** Dani membelanjakan banyak wang untuk perniagaannya.
 - C** Dani ada seorang pembantu untuk menolongnya.
 - D** Dani membuat laporan vlog tentang acara awam.
 - E** Dani belajar tentang fesyen sebelum mula membuat vlog.

[2]

[BERHENTI]

- 36**
- A** Dani juga bercakap tentang hiburan dalam vlognya.
 - B** Dani begitu prihatin untuk memberitahu yang benar dalam vlognya.
 - C** Kadang-kadang pengikut-pengikut Dani tidak bersetuju dengan dia.
 - D** Dani memberi amaran tentang produk-produk yang merbahaya.
 - E** Dani menerima bayaran daripada pengeluar produk untuk penilaiannya.

[2]

[BERHENTI]

- 37 **A** Dani yakin tentang penilaian yang dia buat.
- B** Dani mengelak untuk mengguna sesetengah bahan.
- C** Kawan-kawan Dani menolong membuat ujian untuk vlognya.
- D** Dani percaya pembuat vlog seharusnya pakar.
- E** Dani memulakan bisnesnya baru-baru ini.

[2]

[Jumlah: 6]

Sekarang anda diberi masa selama enam minit untuk menulis jawapan anda ke atas kertas jawapan berasingan. Ikut arahan yang terdapat di atas kertas tersebut.

There will now be six minutes for you to copy your answers onto the separate answer sheet. Follow the instructions on the answer sheet.